

SIARAN AKHBAR



**“LE TOUR DE HOMESTAY SELANGOR 2013” BAKAL POPULARKAN
AKTIVITI BERBASIKAL DI INAP DESA**

KUALA SELANGOR, 13 APRIL 2013: Bersempena dengan kempen Promosi Tahun Melawat Malaysia 2014, Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri Selangor dan Tourism Malaysia Negeri Selangor telah menganjurkan program jelajah berbasikal “Le Tour de Homestay Selangor 2013” dari 13 hingga 14 April.

Para peserta program ini akan menunggang basikal sejauh 55 km dari Homestay Sungai Sireh diikuti Homestay Sungai Nibong dan berakhir di Homestay Sungai Hj Dorani.

Program 2 hari 1 malam ini dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan para peminat aktiviti berbasikal di negara ini mengenai destinasi-destinasi pelancongan berbasikal yang terdapat di inap desa-inap desa di Selangor.

Seramai lebih kurang 300 orang peserta telah mengambil bahagian dalam program ini yang melibatkan ahli-ahli Persatuan Berbasikal Yayasan Al-Tarbiyah Malaysia, ahli-ahli Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GMPS), wakil-wakil badan berkanun, agensi-agensi kerajaan serta agensi-agensi swasta yang berkaitan.

Pengarah Bahagian Pemasaran Domestik, Tourism Malaysia, Encik Musa Yusof telah merasmikan program jelajah berbasikal “Le Tour de Homestay Selangor 2013” dan turut melancarkan “Fun Map Le Tour De Homestay Selangor 2013” di Dewan Terbuka Homestay Sungai Sireh, di sini, hari ini. Turut hadir ialah Yang Dipertua Majlis Daerah Sabak Bernam, Tuan Zailan bin Kadir dan Pengerusi Homestay Selangor, Tuan Haji Basir bin Wagiman.

“Fun Map Le Tour De Homestay Selangor” yang diterbitkan oleh Tourism Malaysia ini memaparkan pelbagai laluan berbasikal di sekitar inap desa-inap desa di Selangor untuk panduan para pelancong dalam dan luar negara.

Encik Musa dalam ucapannya berkata bahawa program ini memberi peluang kepada para pesertanya untuk menjelajahi inap-inap desa di sekitar Selangor dengan berbasikal sekaligus dapat menikmati keindahan dan keunikan yang terdapat di destinasi-destinasi tersebut.



“Selain itu, para peserta juga dapat menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan “voluntourism” seperti gotong royong dan aktiviti menanam pokok selaras dengan Kempen 1Malaysia Bersih & Indah yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan,” sambung beliau lagi.

Siri kedua program “Le Tour De Homestay Selangor 2013” ini bermula dengan penyerahan para peserta kepada keluarga angkat masing-masing di Homestay Sungai Sireh dan diikuti dengan aktiviti “voluntourism” serta aktiviti berkanu di inap desa tersebut.

Aktiviti jelajah berbasikal yang akan bermula pada 14 April ini bakal menyaksikan para peserta berkanu menuju ke Homestay Kampung Batu 23 Sungai Nibong di Sabak Bernam untuk bersarapan pagi sebelum meneruskan perjalanan ke Homestay Sungai Haji Dorani yang juga terletak di daerah Sabak Bernam melalui jalan kampung.

Para peserta akan berpeluang untuk mencuba pelbagai aktiviti tradisional di Homestay Sungai Haji Dorani seperti aktiviti memancing, menangkap belut dan bermain layang-layang.

Program “Le Tour de Homestay Selangor 2013” ini turut mendapat kerjasama Persatuan Homestay Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Sabak Bernam, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Program ini merupakan siri kedua selepas program “Homestay Selangor Bike Ride 2013” dilancarkan pada 23 Februari yang lalu melibatkan inap-inap desa di daerah Kuala Langat dan Sepang.

LATAR BELAKANG HOMESTAY SELANGOR BIKE RIDE 2013

Siri pertama jelajah berbasikal di inap-inap desa di Selangor telah diperkenalkan pada 23 Februari 2013 di bawah nama “Homestay Selangor Bike Ride 2013” yang melibatkan daerah Kuala Langat dan Sepang.

Program sehari ini menyaksikan seramai 200 orang para pesertanya menunggang basikal merentasi enam inap desa yang bermula dari Homestay Lang Tengah menuju ke Homestay Kanchong Darat diikuti Homestay Kg Endah, Homestay Batu Laut, Homestay Kg Kundang dan berakhir di Homestay Banghuris.

Pada acara tersebut, Pengarah Negeri Tourism Malaysia Selangor, Encik Mohammad Nor Ismail turut memperkenalkan “Fun Map Homestay Bike Ride Selangor 2013” Siri 1.



LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA)
No. 2, Tower 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 8891 8000; <http://www.tourismmalaysia.gov.my>
www.facebook.com/friendofmalaysia; twitter.com/tourismmalaysia; blog.tourism.gov.my





Selain itu, program tersebut juga turut menyelitkan aktiviti kemasyarakatan dan “voluntourism” seperti gotong royong membersihkan kampung serta aktiviti menanam pokok di Pusat Aktiviti Homestay Banghunis.

Program ini turut mendapat kerjasama Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Sepang, Polis Diraja Malaysia dan Persatuan Homestay Selangor.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Nurushama Abdul Hanan, Timbalan Pengarah Tourism Malaysia Selangor di talian 03-55109100 atau emel nurushama@tourism.gov.my.

Untuk mendapatkan siaran media, media info dan artikel berkaitan industri pelancongan di Malaysia, sila lawati Pusat Media di laman web Tourism Malaysia di <http://www.tourismmalaysia.gov.my/>.

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA ATAU TOURISM MALAYSIA ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia. Peranan Kementerian Pelancongan ialah melaksanakan dasar-dasar berkaitan pelancongan, menjalankan penyelidikan serta menawarkan insentif kepada para penggiat industri pelancongan manakala Tourism Malaysia pula bertanggungjawab untuk mempromosikan Malaysia di peringkat domestik dan antarabangsa. Didorong oleh aspirasi untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang unggul di rantau ini, Tourism Malaysia telah membangun dengan pesatnya sejak penubuhannya dan telah muncul sebagai pemain utama dalam landskap sosioekonomi negara. Pada 2012, Malaysia telah mencatatkan kedatangan seramai 25 juta orang pelancong asing dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM60.6 bilion.

Pada 2014, Malaysia akan menyambut Tahun Melawat Malaysia (TMM) buat kali keempat dengan tema “Celebrating 1Malaysia Truly Asia”. Kempen promosi TMM 2014 telahpun bermula pada tahun ini dan akan dipenuhi dengan pelbagai acara istimewa dan aktiviti-aktiviti menarik sepanjang tahun sehinggalah tibanya TMM 2014. Penganjuran kempen TMM 2014 dijangka akan dapat membantu kerajaan mencapai sasaran untuk menerima kedatangan pelancong seramai 36 juta orang dengan pendapatan sebanyak RM168 bilion menjelang 2020 seperti yang digariskan dalam Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia 2020.

Hubungi:

Unit Perhubungan Media:

Encik Razaidi Abd Rahim, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Komunikasi dan Publisiti
Emel: razaidi@tourism.gov.my

Unit Editorial:

Puan Anis Rozalina Ramli, Editor, Bahagian Komunikasi dan Publisiti
Emel: anisramli@tourism.gov.my



LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA)
No. 2, Tower 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 8891 8000; <http://www.tourismmalaysia.gov.my>
www.facebook.com/friendofmalaysia; twitter.com/tourismmalaysia; blog.tourism.gov.my

